



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PERKEMBANGAN FESTIVAL REGATTA LEPA-LEPA DI
SEMPORNA, SABAH**

Maylinda Burhan Nurdin

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2015**

PERKEMBANGAN FESTIVAL REGATTA LEPA- LEPA DI SEMPORNA, SABAH

MAYLINDA BURHAN NURDIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Seni

Gunaan dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2015.

Student's Declaration:

I MAYLINDA BURHAN NURDIN, 36884, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS

(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled Perkembangan Festival Regatta Lapa- Lapa di Semporna, Sabah

is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Maylinda Burhan Nurdin (36884)

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I En Mazdan Bin Ali Amaran (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled Perkembangan Festival Regatta Lapa- Lapa di Semporna, Sabah

(TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: En Mazdan Bin Ali Amaran Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
()

Supervisor signature: _____
()

Current Address:

Batu 5.5 Kampung Kinabutan Jalan Apas, Tawau, Sabah

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “Perkembangan Festival Regatta Lepa- Lepa di Semporna, Sabah” telah disediakan oleh Maylinda Burhan Nurdin dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni)

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

Tarikh:.....

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya amat bersyukur kepada Tuhan, kerana kasih dan berkat-Nya yang diberikan sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Hal ini kerana tanpa kasih dan berkat-Nya saya tidak mungkin dapat melaksanakan penyelidikan ini dengan lebih sempurna dan jayanya.

Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu saya serta seisi keluarga yang memberi dorongan dan sokongan serta semangat yang tidak ternilai bagi diri saya dalam menjayakan penyelidikan ini.

Seterusnya, ribuan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada penyelia saya Encik Mazdan Ali Amaran Dengan segala tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan sangat berharga buat saya dan tidak dilupakan sampai bila-bila.

Tidak lupa juga, setinggi penghargaan ingin di kalungkan kepada setiap responden yang telah ditemuramah iaitu Puan Habibiah Binti Lajahirun (Pembantu Tadbir N.22) di Pejabat Daerah Semporna dan Cik Hayatun Nufus Binti Zainal Abidin (Setiausaha Penolong Pengarah Daerah Pentadbiran N.41). Dengan ini, tanpa kerjasama daripada semua saya tidak dapat memperolehi maklumat yang lebih kukuh untuk menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih sekali lagi diucapkan atas kerjasama yang telah diberikan semasa sesi temubual yang dijalankan.

Tanpa bantuan dan dorongan daripada kalian saya telah menyiapkan penyelidikan ini dengan baik. Terima kasih sekali lagi buat kalian semoga Tuhan memberkati kalian.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	v
Abstract	vi
Senarai Rajah	vii
Senarai Singkatan	xii
Bab 1 Pengenalan	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Kerangka Kajian	9
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Rumusan	12

Bab 2 Sorotan Kesusasteraan	
2.0 Pendahuluan	13
2.1 Definisi Kajian Dengan Tajuk	14
2.2 Rumusan	27
Bab 3 Metodologi Kajian	
3.0 Pendahuluan	28
3.1 Reka Bentuk Kajian	29
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	31
3.3 Analisa Data	34
3.4 Kaedah Persampelan	36
3.5 Sasaran Responden	37
3.6 Lokasi Kajian	37
3.7 Instrumen Kajian	37
3.8 Limitasi Kajian	39
3.9 Rumusan	39
Bab 4 Analisa Kajian	
4.0 Pendahuluan	41
4.1 Latar Belakang Responden	42

4.2 Analisa Kesahihan	47
4.3 Analisa Kekerapan	49
4.4 Analisa Taburan Silang	80
4.5 Rumusan	98
Bab 5 Rumusan Dan Cadangan	
5.0 Pendahuluan	99
5.1 Perbincangan	100
5.2 Kesimpulan Dan Cadangan	102
Rujukan	105
Lampiran	106

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti langkah yang dapat membantu usaha murni untuk memperkenalkan Festival Regatta Lepa- Lepa peringkat arena antarabangsa. Festival Regatta Lepa- Lepa diadakan pada bulan April setiap tahun. Terdapat tiga objektif yang terkandung dalam kajian pengkaji ini iaitu mengkaji keberkesanaan sistem promosi yang digunakan oleh pihak festival, mengenalpasti galakan dan dorongan kerajaan yang diperlukan oleh Festival Regatta Lepa-Lepa dan kesan festival kepada masyarakat serta pihak lain.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan data maklumat. Saya telah menemubual pihak pemberi maklumat saya, iaitu pegawai daerah Semporna untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian saya. Seramai seratus lima puluh (150) orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Mereka telah menjawab satu set borang soal selidik yang telah pengkaji sediakan yang terdiri daripada lima (5) bahagian. Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang pengkaji perolehi membantu pengkaji menganalisis data dan mencadangkan beberapa cadangan yang bernas untuk memperbaiki sistem pengurusan Festival Regatta Lepa- Lepa pada masa akan datang.

ABSTRACT

This study was conducted to identify measures that could help efforts to introduce Festival Regatta Lepa- Lepa to international level. Festival Regatta Lepa- Lepa was held in April every year. There are three objectives contained in this research study that are examines the effectiveness of the promotion system used by the festival, identify government incentives and encouragement needed by Festival Regatta Lepa- Lepa and the impact of the festival to the public and other parties. In this study, researchers using qualitative and quantitative methods to obtain information data. Researchers had interview the informant from District office officials Semporna Sabah to obtain information related to the research. One hundred and fifty (150) respondents involved in the survey and they have been answer the questionnaire that was prepares The questionare have five (5) section. Overall, the researchers obtained the findings help researchers analyze the data and suggest some constructive suggestions to improve the management system Festival Regatta Lepa- Lepa in the future.

SENARAI RAJAH

PERKARA	MUKA SURAT
Rajah 1.1 Kerangka Kajian	9
Rajah 3.1 Model Kajian	30
Rajah 3.2 Skala Likert	33
Rajah 4.1 Jantina Responden	42
Rajah 4.2 Kategori Umur Responden	43
Rajah 4.3 Taraf Kewarganegaraan Responden	44
Rajah 4.4 Kategori Kaum Responden	45
Rajah 4.5 Jumlah Responden Mengetahui Kewujudan Festival Regatta Lepa- Lepa	49
Rajah 4.6 Sumber Responden Mengetahui Kewujudan Festival	51
Rajah 4.7 Jumlah Responden Yang Pernah Menyaksikan Festival Secara Langsung	53
Rajah 4.8 Jumlah Responden Yang Menyatakan Bahawa Festival Dapat Mewujudkan Perpaduan Kaum	55

Rajah 4.9 Jumlah Responden Yang Menyatakan Bahawa	
Promosi Merupakan Elemen Yang Penting	57
Rajah 4.10 Jumlah Responden Yang Pernah Melihat Iklan	
Atau Promosi Festival Regatta Lepa- Lepa	59
Rajah 4.11 Jumlah Dan Peratusan Sumber Responden	
Melihat Iklan Atau Promosi Berkaitan Dengan	
Festival Regatta Leepa- Lepa	61
Rajah 4.12 Promosi Yang Dilakukan Dapat	
Menyampaikan Maklumat Dengan Jelas	64
Rajah 4.13 Promosi Yang Dilakukan Dapat Menarik	
Minat Masyarakat	66
Rajah 4.14 Galakan Dan Dorongan Pihak Kerajaan Dalam	
Usaha Memperkenalkan Festival Regatta	
Lepa- Lepa Ke Peringkat Antarabangsa	68
Rajah 4.15 Jumlah Dan Peratusan Responden Yang Bersetuju	
Festival Menyumbang Kepada Pendapatan Masyarakat	
Daerah Semporna	71

Rajah 4.16 Impak Festival Kepada Masyarakat	
Melalui Aktiviti Festival	73
Rajah 4.17 Jumlah Dan Peratusan Festival Dapat Mengurangkan	
Pengguguran Dalam Kalangan Masyarakat	76
Rajah 4.18 Jumlah Dan Peratusan Festival Memberikan	
Impak Sektor Pelancongan Di Negeri Sabah	78
Rajah 4.19 Perbezaan Antara Jumlah Responden Yang	
Mengetahui Kewujudan Festival Regatta Lepa- Lepa	80
Rajah 4.20 Perbezaan Antara Jumlah Responden Yang Pernah	
Menyaksikan Festival Regatta Lepa- Lepa Secara	
Lansung Mengikut Kategori Jantina Responden	81
Rajah 4.21 Hubungkait Diantara Jumlah Responden Yang	
Mengetahui Kewujudan Festival Regatta Lepa- Lepa	
Di Semporna, Sabah Dengan Sistem Pengiklanan	
Festival Regatta Lepa- Lepa Di Semporna, Sabah	83

Rajah 4.22 Perkaitan Antara Pihak Responden Yang

Pernah Melihat Iklan Festival Regatta Lepa- Lepa Dengan Kejayaan Sistem Pengiklanan Festival Dalam Memberikan Hebahan Kepada Masyarakat Mengenai Festival Regatta Lepa- Lepa Di Semporna, Sabah	85
--	----

Rajah 4.23 Pilihan Media Yang Sesuai Untuk Promosi Festival

Regatta Lepa- Lepa Di Semporna Sabah Mengikut Kategori Jantina	87
---	----

Rajah 4.24 Kekerapan Antara Kumpulan Jantina Terhadap

Galakan Dan Dorongan Daripada Pihak Kerajaan Amat Penting	90
--	----

Rajah 4.25 Jumlah Kekerapan Responden Mengikut Jantina

Responden Terhadap Bantuan Kerajaan Dalam Mengendalikan Promosi	91
--	----

Rajah 4.26 Jumlah Perkaitan Responden Yang Pernah

Menyaksikan Festival Secara Lansung Terhadap Jumlah Kekerapan Bantuan Keselamatan Sepanjang Festival Amat Penting	92
---	----

Rajah 4.27 Hubungkait Kekurangan Responden Dengan

Sumbangan Festival Terhadap Pendapatan Masyarakat

Setempat 94

Rajah 4.28 Hubungkait Kekurangan Jumlah Responden Yang

Mengetahui Kewujudan Festival Dengan Impak

Festival Iaitu Mewujudkan Peluang Pekerjaan Kepada

Masyarakat 95

Rajah 4.29 Hubungkait Kekurangan Responden Dengan

Sumbangan Festival Terhadap Sektor Perlancongan

Di Sabah Dan Ekonomi Negara 97

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

FSGK	: Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
UNIMAS	: Universiti Malaysia Sarawak
UMS	: Universiti Malaysia Sabah
NC	: Naib Canselor
MISF	: Malaysia Shoes Festival
CAIS	: Center Academic Information Service
SPSS	: Statistical Package For Social Science

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Penyelidikan ini merupakan satu kajian yang dilakukan oleh pengkaji mengenai Festival Regatta Lepa-Lepa di Semporna Sabah, Malaysia. Bab ini pengkaji akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian yang dilakukan, kerangka kajian yang digunakan sepanjang menjalankan kajian, skop kajian penyelidikan dan kepentingan kajian yang dilakukan oleh penyelidik. Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji menjurus kepada usaha memartabatkan Festival Regatta Lepa di peringkat Antarabangsa. Dalam penyelidikan ini pengkaji akan merungkaikan segala persoalan serta menjawab segala objektif kajian yang ditetapkan mengikut persoalan yang mengalakkan pengkaji menjalankan kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengupas dengan lebih hal yang berkaitan dengan kewujudan awal Festival Regatta Lepa serta melihat sejauh mana masyarakat pribumi Sabah dan Semenanjung Malaysia mengetahui Festival Regatta Lepa ini. Selain itu pengkaji juga akan membincangkan keberkesanan bentuk promosi yang digunakan oleh pihak penganjur festival serta galakan yang pihak- pihak kerajaan berikan dalam membantu usaha murni untuk memartabatkan Festival Regatta Lepa diperingkat antarabangsa serta mengkaji kesan yang diperolehi oleh masyarakat daripada festival ini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1.1 ASAL USUL FESTIVAL REGATTA LEPA-LEPA

Regatta Lepa di perkenalkan pada tahun 1994 sebagai peringkat daerah. Regatta Lepa telah di masukkan ke dalam “ Pesta Air” pada tahun 2003 dan kini menjadi acara tahunan Negara Malaysia. (Ismail Ali, 2010)

Suku kaum Bajau di daerah Semporna tidak dapat dipisahkan dengan ikon “Lepa” dan “Sambulang”. Masyarakat tempatan dan domestic berpeluang untuk menyaksikan Festival Regatta Lepa- Lepa di Semporna Sabah secara langsung setiap tahun pada bulan April dimana pada bula tersebut air laut dikatakan tenang. (Ismail Ali, 2010)

1.1.2 MASYARAKAT SUKU KAUM BAJAU

Semporna merupakan sebuah daerah yang majoriti penduduknya adalah terdiri daripada kaum Bajau yang mempunyai pelbagai suku serta terkenal dengan budaya “lepa” dan “ sambulang”. Antara kategori suku kaum Bajau ialah Baju Kubang, Bajau Ubian, Bajau Sengkuan, Bajau Sampulna dan Bajau Simunul. (Ismail Ali, 2010)

Berdasarkan kepada pemahaman dan tafsiran masyarakat umum pada hari ini, budaya lepa dan sambulayang nampaknya cukup sinonim dengan suku Bajau Laut. Dalam erti kata lain, budaya lepa dan sambulayang adalah milik Bajau Laut Semporna nampaknya masih lagi membudayakan perahu sebagai *centre of life* berbanding dengan lain-lain suku kaum Bajau lain yang telah mula menetap di daratan. (Ismail, 2010)

Secara etnografinya, kaum Bajau Laut di Semporna pada masa kini dapat diklasifikasikan kepada empat (4) kategori berasaskan kepada lokasi petempatan mereka yang pertama "Bajau Laut-Darat" yang menetap secara tetap di kampung air di Bangau-Bangau di tanah besar Semporna. Kedua, "Bajau Laut-Pulau" yang menetap secara tetap di pulau seperti di Pulau Bum-Bum, Pulau Mabul, Pulau Omadal, Pulau Sabangkat, Pulau Dinawan, Pulau Gusungan dan sebagainya. Ketiga "Bajau Laut-Laut" yang menetap secara tetap di Taman Marin Tun Sakaran dan akhir sekali, "Bajau Laut Terapung" yang tinggal di dalam bot dan hidup secara berpindah randah atau nomad diperairan pulau-pulau di Semporna (Ismail Ali, 2010)

1.1.3 AKTIVITI-AKTIVITI SAMPINGAN FESTIVAL REGATTA LEPA-LEPA

Selain pertandingan lepa, festival regatta ini juga turut diserikan lagi dengan pelbagai aktiviti berkonsepkan maritim seperti pertandingan ratu lepa, acara kebudayaan, dan sebagainya. Kemeriahan Regatta lepa ini juga turut diserikan dengan pelbagai iringan muzik, tarian igal-igal, dan lagu khas regatta. (Ismail Ali, 2010)

1.1.4 PERKAITAN PEMBUDAYAAN LEPA DAN SAMBULAYANG

Pembudayaan lepa dalam Regatta Lepa adalah tidak lengkap tanpa dipasang dengan sambulayang (kain layar utama) atau lamak bua'an, layar kecil yang dikenali sebagai kapi-kapi (bendera kecil berbentuk segiempat)

dan kipas-kipas (bendera perhiasan berbentuk segitiga). Lamak bua'an adalah lebih besar daripada kapi-kapi dan ianya mempunyai lekuk pada satu bahagian hujung yang menyerupai mulut ikan. Selain regatta lepa, sambulayang juga turut digunakan dalam pelbagai majlis rasmi seperti perkahwinan dengan iringan tarian (igal) limbayan dan panansang yang dikenali sebagai Pangalay Pangantin, khatam Al-Quran, kelahiran, kematian, dan menyambut kedatangan orang kenamaan. (Ismail Ali, 2010)

1.1.5 PERKEMBANGAN DAN EVOLUSI LEPA

Sejarah perkembangan dan evolusi lepa yang difahami pada masa kini dapat dibahagikan kepada tiga (3) fasa. (Ismail Ali, 2010)

I. Fasa pertama

Fasa pertama adalah merujuk kepada sejarah awal lepa sepertimana yang difahami pada masa kini pada peringkat awalnya, iaitu semasa Semporna ditadbir oleh Kesultanan Sulu.

II. Fasa kedua

Fasa kedua, perkembangan evolusi lepa bermula sekitar tahun 1951, apabila para tukang lepa di kampung Nusalalung, Kabimbangan, Sisipan, dan Omodal telah mengubah versi lepa lama kepada satu versi baru dari segi reka bentuknya yang dikenali sebagai lepa nipasil dan lepa lanu iaitu cantik.

III. Fasa Ketiga

Fasa ketiga, evolusi sebenar lepa, sepertimana lepa yang difahami oleh masyarakat pada hari ini, bermula pada tahun 1994

apabila tukang lepa mula menghasilkan tiga jenis lepa versi baru, iaitu lepa nipasil, lepa lanu, dan lepa sappit sebagai simbol warisan suku kaum Bajau di Semporna melalui penganjuran Regatta Lepa-Lepa di peringkat daerah Semporna dan kemudiannya dinaiktaraf sebagai acara rasmi diperingkat Sabah oleh Yang Amat Berhormat Datuk Sakaran Dandai, selaku Ketua Menteri Sabah pada waktu itu.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Pada zaman yang moden kini, apabila kita berbicara mengenai sektor kesenian Negara khususnya hal yang berkaitan dengan acara-acara kesenian tradisional secara tidak langsungnya kita dapat melihat pelbagai reaksi dan tanggapan yang pelbagai daripada masyarakat Negara kita Malaysia. Malaysia merupakan Negara yang harmoni dan mempunyai kepelbagaian kaum dan budaya yang unik. Malaysia mempunyai empat belas (14) buah negeri dan setiap negeri mempunyai daerah yang mempunyai keunikan tersendiri.

I. Saluran promosi yang kurang memberikan impak terhadap promosi yang dilakukan oleh pihak penganjur

Sesuai acara kesenian yang di persembahkan memerlukan satu bentuk saluran promosi yang strategik dalam menyampaikan hebahan kepada masyarakat mengenai acara kesenian yang ingin dilaksanakan.

Festival Regatta Lepa-lepa juga memerlukan saluran promosi yang strategik dalam mempromosikan acara kesenian ini kepada masyarakat setempat mahupun masyarakat dari luar negeri Sabah. Promosi yang dilakukan haruslah promosi yang berbetuk jangka masa panjang agar dapat menyampaikan maklumat kepada masyarakat dengan sebaik yang mungkin. Promosi jangka masa panjang juga dapat membantu pihak penganjur memberikan keahgatan acara tersebut kepada masyarakat. Promosi yang digunakan oleh pihak penganjur Festival Regatta Lepa-lepa merupakan promosi yang dilakukan seperti kata pepatah melepaskan batuk di tangga. Usaha mereka dalam mempromosikan festival ini tidak kelihatan dan tidak mempunyai sistem promosi yang strategik dan pihak penganjur menghadapi beberapa kekangan ketika melakukan promosi bagi Festival Regatta Lepa-lepa. Hebahan promosi mereka juga tidak terlalu menggunakan kemajuan yang dicapai dalam bidang teknologi. Tindakan mereka ini dapat dikatakan bahawa promosi mereka tidak mencapai sasaran mereka dan tidak dapat menyentuh perasaan masyarakat untuk mewujudkan perasaan ingin menyertai festival tersebut. (Kosmo, 28 Mac 2013)

II. Kurangnya galakan dan dorongan daripada pihak yang bertanggungjawab

Dalam melaksanakan sesuatu acara kesenian dan kebudayaan seperti Festival Regatta lepa, sokongan daripada pelbagai pihak

khususnya pihak kerajaan amat perlu dan memberikan impak yang positif kepada acara kesenian tersebut. Kekangan yang dihadapi oleh pihak penganjur Festival Regatta Lepa-Lepa boleh diatasi dengan adanya sokongan dan galakan daripada pihak kerajaan. Sebagai contoh pihak pengurusan UMS telah memperuntukkan dana kepada para penyelidik dan penulis berhubung dengan warisan suku kaum pribumi Sabah untuk dihayati dan dibanggakan oleh seluruh rakyat Sabah dan Malaysia amnya. Ini merupakan salah satu bantuan dan galakan yang dapat membantu sesuatu warisan dikekalkan. (Utusan Borneo, 2013)

III. Persepsi Masyarakat yang negatif terhadap acara kesenian yang kurang mendatangkan pulangan yang lumayan.

Festival Regatta Lepa-Lepa merupakan salah satu acara kesenian yang terdapat di daerah Semporna Sabah. Festival ini merupakan acara tahunan daerah Semporna khususnya masyarakat kaum Bajau daerah tersebut. Persoalannya disini, masyarakat generasi Y yang hidup serba moden mempunyai pola pemikiran yang berbeza dengan pemikiran masyarakat zaman dahulu. Masyarakat generasi Y kini kurang minat melibatkan diri mereka dalam bidang kesenian seperti Festival kesenian kerana mereka menganggap festival kesenian kurang mendatangkan faedah kepada mereka. (Utusan Malaysia,2010)